



NEGERI JOHOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF JOHORE GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 56
No. 13

21hb Jun 2012

TAMBAHAN No. 8
PERUNDANGAN

J. P.U. 37.

ENAKMEN RIZAB MELAYU 1936

PERINTAH RIZAB MELAYU (No. 13) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 2(ii) Enakmen Rizab Melayu 1936 [Enakmen No. 1/1936], Raja dalam Mesyuarat dengan ini membuat perintah yang berikut:

Nama

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Rizab Melayu (No. 13) 2012** dan hendaklah disifatkan sebagai telah mula berkuatkuasa pada 25 April 2012.

Pindaan Jadual Kedua

2. Jadual kedua kepada Enakmen adalah dipinda dengan menambah kepadanya dengan yang berikut:

“Realti Cemerlang Sdn. Bhd.”.

Bertarikh 31 Mei 2012
[PTG 00/00/02/1001/0028/2011/0383/2011]

HAJI MOHD. HALIM BIN HASBULLAH
*Jurutulis Majlis Mesyuarat Kerajaan
Johor*

MALAY RESERVATIONS ENACTMENT 1936

MALAY RESERVATIONS (No. 17) ORDER 2012

IN exercise of the powers conferred by subsection 2(ii) of the Malay Reservations Enactment 1936 [*Enactment No. I Of 1936*], the Ruler-in-Council hereby makes the following order:

Name

1. This order may be cited as the **Malay Reservations (No. 17) Order 2012** and shall be deemed to have come into force on the 25 April 2012.

Amendment of Second Schedule

2. The Second Schedule of the Malay Reservations Enactment 1936 is amended by adding the following:

“Cahaya Etnik Sdn. Bhd.”.

Dated 31 May 2012
[PTG 00/00/02/1001/0030/2011/0407/2011]

HAJI MOHD. HALIM BIN HASBULLAH
Clerk of the State Executive Council
Johore

J. P.U. 42.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL VANDALISME
(MAJLIS PERBANDARAN JOHOR BAHRU TENGAH) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 73(1), 102 dan 102A Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171], Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah membuat, dan menurut seksyen 103 Akta tersebut Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan, undang-undang kecil yang berikut:

Nama, pemakaian dan permulaan berkuat kuasa

1. (1) Undang-Undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Vandalisme (Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah) 2012**.

(2) Undang-Undang Kecil ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta* dan ianya hendaklah terpakai hanya di kawasan Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah.

Tafsiran

2. Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“binatang” termasuk burung, serangga dan hidupan air dan mana-mana binatang di bawah kawalan dan jagaan Majlis;

“harta awam” ertiannya mana-mana harta awam yang telah disediakan untuk kegunaan dan keselesaan orang ramai di dalam kawasan Majlis;

“harta Majlis” ertinya apa-apa harta alih atau tidak alih yang dippunyai, dibina, diurus, disewa atau diselenggara oleh Majlis yang terletak atau ada di dalam, di bawah atau di atas mana-mana tempat awam atau tempat persendirian di dalam kawasan Majlis dan apa-apa harta mana-mana pihak atau orang yang berkontrak dengan Majlis yang digunakan bagi maksud memenuhi atau melaksanakan kontrak itu dan termasuk kerja yang dijalankan oleh Majlis dan mana-mana binatang, pokok, tumbuhan-tumbuhan, rumput, sungai, tasik dan anak sungai yang di bawah penjagaan atau kawalan Majlis;

“kerja” ertinya mana-mana kerja yang dijalankan oleh Majlis di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang ada di dalam, di bawah atau di atas mana-mana tempat awam atau tempat persendirian di dalam kawasan Majlis;

“Majlis” ertinya Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah;

“tempat awam” termasuklah mana-mana lapangan terbuka, tempat letak kereta, kebun bunga, taman rekreasi, taman perumahan, tandas awam, perhentian bas atau teksi, medan sama ada terkepung atau tidak dikhaskan atau diuntukkan bagi kegunaan orang ramai atau yang terbuka kepada orang ramai pada bila-bila masa;

“tempat persendirian” ertinya mana-mana tempat selain daripada tempat awam;

“Vandalisme” ertinya perbuatan membinasakan atau merosakkan harta benda awam, termasuk kesalahan-kesalahan yang disenaraikan dalam undang-undang kecil 3, undang-undang kecil ini;

“Yang Dipertua” ertinya orang yang pada masa itu menjalankan kewajipan-kewajipan jawatan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah dengan sah di sisi undang-undang dan termasuklah Timbalan Yang Dipertua.

Kesalahan-kesalahan

3. Tiada seorang pun boleh melainkan jika kebenaran atau baginya diberikan secara bertulis oleh Yang Dipertua—

- (a) menulis, melukis, mengecat, menyembur, menanda, mencakar, mencalar atau mengukir apa-apa perkataan, slogan, karikatur, simbol atau kombinasi apa-apa jua pun pada mana-mana harta Majlis;
- (b) memasang, melekatkan, menampalkan, menunjukkan atau mempamerkan apa-apa poster, pelekat, iklan, surat, tempelan, peringatan, notis kertas atau apa-apa dokumen pada mana-mana harta Majlis;
- (c) menggantung, menyangkut, menaikkan, melekatkan, mempamerkan atau menunjukkan apa-apa bendera, panji-panji hiasan, panji-panji bendera, bendera lambang, banting, sepanduk atau yang menyerupai dengan perkataan, slogan, karikatur, lukisan, tanda, simbol atau apa-apa barang atau apa-apa perkataan lain pada mana-mana harta Majlis;

- (d) memaku, mengikat, menyimpul atau merantai apa-apa benda pada mana-mana harta Majlis;
- (e) mencuri, mengalih, mengganggu, mengusik, memindah, mencacatkan, memusnahkan atau merosakkan atau melupuskan apa-apa harta Majlis;
- (f) membuat ubahan kepada apa-apa harta Majlis;
- (g) mengalih, memindah, mengusik, mencacatkan, merosakkan atau memusnahkan apa-apa jua yang dipamerkan, dipertunjukkan, digantung, didirikan, dilekatkan, dinaikkan atau disangkutkan oleh Majlis;
- (h) meludah, kencing atau membuang air besar di dalam atau pada mana-mana harta Majlis kecuali di tempat yang disediakan bagi maksud itu;
- (i) mengotorkan atau mencemarkan air di mana-mana pancutan air, kolam renang, sungai, tasik atau anak sungai yang di bawah penjagaan dan kawalan Majlis;
- (j) memotong, menggali, mengalih, memetik, membantun, merosakkan atau memusnahkan mana-mana pokok, tumbuh-tumbuhan, bunga, daun atau dahan mana-mana pokok atau tumbuh-tumbuhan, atau rumput yang di bawah penjagaan dan kawalan Majlis;
- (k) mengorek, menambak, melonggokkan, mengangkut, mengambus atau mengalih tanah dari mana-mana harta Majlis;
- (l) memerangkap, menangkap, mendera, membunuh, memberi makan atau mengganggu apa-apa binatang kepunyaan Majlis atau yang di bawah penjagaan dan kawalan Majlis atau mana-mana orang yang dilantik oleh Majlis;
- (m) menunggang, memandu, menolak atau menarik apa-apa kenderaan sama ada yang digerakkan secara mekanikal atau dengan cara lain atau meluncur dengan papan selaju atau kasut beroda, atau skuter atau apa-apa alat pada mana-mana harta Majlis yang bukan dibenarkan untuk maksud itu; atau
- (n) melakukan apa-apa perbuatan yang ditafsirkan oleh Majlis sebagai merosakkan atau yang boleh merosakkan harta Majlis.

Penalti

4. Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan Undang-undang Kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi Dua Ribu Ringgit (RM2,000.00) atau penjara selama satu tempoh tidak melebihi satu (1) tahun atau kedua-duanya dan bagi mana-mana kesalahan yang berterusan dilakukan setelah sabitan boleh dikenakan denda yang tidak melebihi Dua Ratus Ringgit (RM200.00) bagi setiap hari kesalahan itu berterusan.

Kuasa mengalih dsb.

5. (1) Yang Dipertua atau mana-mana Pegawai Majlis yang diberi kuasa secara bertulis oleh Yang Dipertua boleh-

- (a) mengalih apa-apa benda yang didapati tergantung, dinaikkan, ditampali, diikat, disimpul, dirantai, dipakukan, dilekatkan, disangkut, dipertunjukkan atau dipamerkan pada mana-mana harta Majlis yang berlanggaran dengan Undang-undang Kecil ini; atau
- (b) memadamkan apa-apa tulisan, gambar, lukisan, tanda, cakaran, calar atau ukiran yang dibuat oleh mana-mana orang pada mana-mana harta Majlis yang berlanggaran dengan Undang-undang Kecil ini.

(2) Apa-apa tindakan yang diambil oleh Yang Dipertua atau oleh mana-mana pegawai Majlis yang diberi kuasa secara bertulis oleh Majlis di bawah perenggan 5(1) tidak boleh ditafsirkan sebagai menghalang mana-mana orang daripada dikenakan pendakwaan bagi apa-apa kesalahan terhadap mana-mana peruntukan Undang-undang Kecil ini.

Kuasa Mengkompaun

6. (1) Yang Dipertua atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Yang Dipertua boleh mengikut budi bicaranya mengkompaun mana-mana kesalahan yang dilakukan di bawah Undang-undang Kecil ini dan dinyatakan sebagai suatu kesalahan yang boleh dikompaun.

(2) Pengkompaunan suatu kesalahan menurut perenggan (1) hendaklah dibuat melalui notis kepada orang yang disyaki telah melakukan kesalahan itu sejumlah wang yang tidak melebihi Lima Ratus Ringgit (RM500.00).

(3) Pembayaran wang itu mestilah dibuat dengan wang tunai, atau dengan kiriman wang, yang dibuat untuk dibayar kepada Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah dan dipalang dengan perkataan "Akuan Penerima Sahaja".

(4) Pembayaran boleh diserahkan sendiri kepada orang yang membuat tawaran mengkompaun, tetapi jika dihantar dengan pos, hendaklah dialamatkan kepada Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah.

(5) Tiap-tiap bayaran yang diterima mestilah dikira sebagai wang kepunyaan Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah dan suatu resit rasmi mestilah dikeluarkan baginya kepada orang yang telah diberi tawaran kompaun itu.

(6) Borang dalam Jadual Undang-Undang Kecil Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan Kerajaan Tempatan (Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah) 2011 [J.P.U. 89], hendaklah digunakan bagi mengkompaun tetapi boleh diubahsuai sebagaimana yang perlu.

Kuasa untuk menghendaki butir-butir

7. Yang Dipertua atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menghendaki mana-mana orang yang dipercayai telah melakukan kesalahan di bawah Undang-undang Kecil ini, memberikan nama, nombor dokumen pengenalan diri dan alamatnya.

Penyitaan

8. (1) Yang Dipertua atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyita atau mengalihkan apa-apa benda atau binatang yang menyalahi Undang-undang Kecil ini dengan risiko ditanggung oleh pemunya.

(2) Jika apa-apa benda atau binatang yang disita di bawah perenggan (1) adalah daripada jenis yang mudah musnah atau yang mengikut sifatnya lekas rosak atau jika penjagaannya melibatkan perbelanjaan dan kesusahan yang munasabah, atau dipercayai menyebabkan halangan atau membahayakan orang ramai, pegawai yang diberi kuasa boleh mengarahkan supaya benda atau binatang itu dilupuskan pada bila-bila masa mengikut cara yang munasabah.

(3) Mana-mana orang yang menuntut apa-apa benda atau binatang selain benda atau binatang yang disita dan dilupuskan di bawah perenggan (2) boleh menuntut benda atau binatang tersebut daripada Yang Dipertua atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja tertakluk kepada apa-apa syarat dan pembayaran yang dikenakan.

(4) Yang Dipertua atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa tidaklah bertanggungan kepada mana-mana orang bagi apa-apa kemerosotan, walau apa pun sebabnya, dalam kualiti apa-apa benda atau binatang yang disita di bawah Undang-undang Kecil ini.

Kos dan pampasan

9. (1) Mana-mana orang didapati bersalah melakukan kesalahan di bawah undang-undang kecil ini hendaklah membayar kepada Yang Dipertua apa-apa kos yang ditanggung oleh Yang Dipertua bagi melaksanakan peruntukan-peruntukan undang-undang kecil 5 dan 8 termasuklah kos penyimpanan sebagaimana yang ditetapkan di dalam Jadual dan hendaklah membayar pampasan kepada Yang Dipertua bagi apa-apa kerosakan yang dilakukan terhadap harta Majlis semasa perlakuan kesalahan itu.

(2) Jika dilupuskan dengan cara jualan, pendapatan jualan, ditolak perbelanjaan, hendaklah, jika dituntut, dibayar kepada pemilik benda atau binatang, tetapi jika pendapatan itu tidak dituntut dalam masa tiga puluh (30) hari dari tarikh jualan, ia akan menjadi hasil Majlis.

Pelucuthakkan

10. Semua benda, barang atau binatang yang disita di bawah Undang-undang Kecil ini boleh dilucuthakkan.

Anggapan

11. Dalam mana-mana pendakwaan bagi suatu kesalahan di bawah Undang-undang Kecil ini, hendaklah dianggap bahawa melainkan dibuktikan sebaliknya—

- (a) apa-apa iklan, poster, bil, notis atau lain-lain dokumen seumpamanya bagi sesuatu pengeluaran adalah dipamerkan, dilekatkan, ditayangkan atau perbuatan seumpamanya oleh pengilang pengeluaran itu atau, dalam hal pengeluaran yang diimport oleh agen penjual tempatan atau pengedar pengeluaran itu;
- (b) apa-apa iklan, poster, banting, sepanduk atau yang seumpamanya bagi sesuatu peristiwa telah dipamerkan, ditayangkan, dilekatkan atau perbuatan seumpamanya oleh penganjur peristiwa itu atau jika penganjurnya tidak diketahui oleh orang yang dibayar hasil penjualan tiket untuk peristiwa itu atau oleh orang yang mendapat keuntungan darinya.
- (c) apa-apa iklan, bil, notis, banting, sepanduk atau yang seumpamanya bagi sesuatu aktiviti, kempen atau sebagainya telah dipamerkan, ditayangkan, dilekatkan atau perbuatan seumpamanya, oleh mana-mana orang, pertubuhan, persatuan, perbadanan atau perbuatan seumpamanya, oleh mana-mana orang, pertubuhan, persatuan, perbadanan atau lain-lain kumpulan orang yang berkaitan dengan aktiviti, kempen atau sebagainya itu.

Peralihan

12. Apa-apa notis, perintah, kompaun lesen, dokumen atau tindakan yang dibuat atau dikeluarkan di bawah Undang-undang Kecil yang dibatalkan hendaklah disifatkan sebagai telah dibuat atau dikeluarkan di bawah Undang-undang Kecil ini dan hendaklah terus berkuat kuasa sehingga terbatas.

Pemansuhan

13. (1) Tertakluk kepada perenggan 13(2) apabila Undang-undang Kecil ini mula berkuat kuasa, Undang-undang Kecil Vandalisme (Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah) 2003 yang telah diwartakan melalui J.P.U. 40 Tahun 2004 (selepas ini disebut Undang-undang Kecil termansuh) hendaklah terhenti berkuat kuasa dan hendaklah disifatkan telah dimansuhkan.

(2) Walauapapun perenggan (1)—

- (a) tiada apa-apa jua halangan yang terkandung dalam Undang-undang Kecil ini boleh menghalang mana-mana orang daripada didakwa atau dihukum di bawah Undang-undang Kecil termansuh bagi apa-apa kesalahan yang dilakukan di bawah Undang-undang Kecil termansuh sebelum mula berkuat kuasanya Undang-undang Kecil ini;
- (b) apa-apa prosiding di bawah Undang-undang Kecil termansuh yang belum diputuskan sebelum mula berkuat kuasa Undang-undang Kecil ini hendaklah diterangkan di bawah Undang-undang Kecil termansuh seolah-olah Undang-undang Kecil ini tidak dibuat;

- (c) apa-apa lesen yang telah dikeluarkan di bawah Undang-undang Kecil termansuh hendaklah terus berkuat kuasa dan mempunyai kuat kuasa sehingga tamat tempoh diberikan tetapi ia hendaklah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Undang-undang Kecil ini dan mana-mana peraturan dan boleh dibatalkan di bawah dan mengikut Undang-undang Kecil ini; dan
- (d) apa-apa perlantikan atau penguatkuasaan yang dibuat di bawah Undang-undang Kecil termansuh hendaklah berkuat kuasa dan mempunyai kuat kuasa seolah-olah ia telah dibuat di bawah Undang-undang Kecil ini, sehinggalah perlantikan atau penguatkuasaan itu dibatalkan atau disatukan di bawah Undang-undang Kecil ini.

JADUAL
(Undang-undang Kecil 8)

FI PENYITAAN/PENGALIHAN DAN PENYIMPANAN

	Minima	Maksima
(a) Fi Penyitaan/Pengalihan	: RM100.00	RM500.00
(b) Fi Penyimpanan	: RM50.00 sehari	RM300.00 sehari

Bagi tempoh tidak melebihi tujuh (7) hari dan tambahan RM15.00 bagi setiap hari tambahan

Bertarikh 2011
 [MPJBT(UU) BY-LAW/1/5]
 [K.T. 24/96 Jld. 10(37); PUNJ.N. 700-1/20/1-12 Jld. 2(18)]

HAJI MD. FUZI BIN HAJI AHMAD SHAHIMI
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah

Disahkan pada 2011

HAJI MOHD. HALIM BIN HASBULLAH
Jurutulis Majlis Mesyuarat Kerajaan
Johor

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

VANDALISM
 (JOHORE BAHRU TENGAH MUNICIPAL COUNCIL) BY-LAWS 2012

In exercise of the powers conferred by subsection 73(1), sections 102 and 102A of the Local Government Act 1976 [Act 171], the Johor Bahru Tengah Municipal Council makes, and pursuant to section 103 of the said Act, the State Authority confirms, the following by-laws:

Citation, application and commencement

1. (1) These By-Laws may be cited as the **Vandalism (Johore Bahru Tengah Municipal Council) By-Laws 2012**.

(2) These By-Laws shall come into operation on the date of its publication in the *Gazette* and shall apply only to the area of Johor Bahru Tengah Municipal Council.

Interpretation

2. In these By-Laws, unless the context otherwise requires—

“animal” includes bird, insect and aquatic life and any animal under Council’s control and supervision;

“public’s property” means any public’s property that had been provide for the usage and convenience in the Council area;

“Council’s property” means any moveable or immovable property owned, constructed, managed, leased or maintained by the Council situated or being in, under or over any public or private place within the Council area and any property of any party or person having a contract with the Council being used for the purpose of fulfilling or executing the said contract and includes any works undertaken by the Council and any animal, tree, plants, grass, river, lake and stream under the care or control of the Council;

“works” means any works undertaken by the Council under any written law being in, under or over any public or private place within the Council area;

“Council” means the Johore Bahru Tengah Municipal Council;

“public place” including any open space, parking place, garden, recreation, housing, public lavatories, bus or taxi stop, square, whether enclosed or not, set apart or appropriated for the use of the public or to which the public shall at any time have access;

“Private place” means any place other than a public place;

“vandalism” means an act destroy or vandalized public property, including offences which are listed in by-law 3, these By-Laws;

“President” means the person for the time being lawfully performing the duties of the Johore Bahru Tengah Municipal Council and includes the Deputy President.

Offences

3. No person shall unless permission or authority for it is given in writing by the President—

- (a) write, draw, paint, spray, mark, scribble, scratch or inscribe any word, slogan, caricature, symbol, or combination of anything on any Council's property;
- (b) install, affix, post-up, exhibit or display any poster, placard, advertisement, bill, notice, paper or other document on any Council's property;
- (c) hang, suspend, hoist, affix, exhibit or display any flag, decorative banners, banner flag, flag emblem, bunting, banner or the like with any word, slogan, caricature, drawing, mark, symbol or other thing or other word on any Council's property;
- (d) nail, tie, bind or chain any thing on any Council's property;
- (e) steal, remove, interfere, tamper with, displace, deface, destroy, damage or dispose any Council's property;
- (f) make any alteration to any Council's property;
- (g) remove, displace, tamper with, deface, damage or destroy anything which is exhibited, displayed, hung, erected, affixed, hoisted or fastened by the Council;
- (h) spit, urinate or defecate in or on any Council's property unless in a place provided for that purpose;
- (i) contaminate or pollute the water in any fountain, swimming pool, river, lake or stream which is under the care and control of the Council;
- (j) cut, dig, remove, pluck, uproot, damage or destroy any tree, plant, flower, leaf or branch of any tree or plant, or grass which is under the care and control of the Council;
- (k) excavate, to bank up, stacking, transport, bury or remove any earth from any Council's property;
- (l) trap, catch, kill, feed or disturb any animal belonging to the Council or which is under the care and control of the Council or any person appointed by the Council;
- (m) ride, drive, push or pull any vehicle whether mechanically propelled or otherwise or slide with a skate or wheeled shoes, or a scooter or any other device on any Council's property which is not permitted for that purpose; or
- (n) do any act which the Council defined as damaging or may cause damage to the Council's property.

Penalty

4. Any person who contravenes any of the provisions of these By-Laws shall be guilty of an offence and shall be liable on conviction to a fine not exceeding Two Thousand Ringgit (RM2,000.00) or to imprisonment for a term not exceeding one (1) year or to both and in the case of a continuing offence a fine not exceeding Two Hundred Ringgit (RM200.00) for each day during which such offence is continued after conviction.

Power of removal etc.

5. (1) The President or any officer of the Council authorized in writing by the President may—

- (a) remove anything found hung, hoisted, posted-up, tied, bound, chained, nailed, affixed, suspended, displayed or exhibited on Council's property in contravention with any provisions of these By-Laws; or
- (b) obliterate any writing, drawing, painting, mark, scribble, scratch or inscription made by any person on any Council's property in contravention of these By-Laws;

(2) Any act of the President or any officer of the Council authorized in writing by the President under paragraph 5(1) shall not be construed as to preclude any person from liability to prosecution for any offence against any of the provisions of these By-Laws.

Power to Compound

6. (1) The President or any officer authorised in writing by the President may discretionary compound any offence under these By-Laws and expressed as an offence can be compounded.

(2) The compounding of an offence under paragraph (1) shall be made by notice to the person suspected of having committed the offence a sum of money not exceeding Five Hundred Ringgit (RM500.00).

(3) Payment of the money must be made with cash, or with remittance, made to be paid to the President, Johore Bahru Tengah Municipal Council and crossed with the word "Receiver Declaration Only".

(4) Payment can be submitted by own person against to whom bid compounds, but if sent with post, must be addressed to the President, Johore Bahru Tengah Municipal Council.

(5) Each payment received must be counted as monies belonging to Johore Bahru Tengah Municipal Council and an official receipts must be given for her person against whom had been given the compound offer.

(6) The form in the Schedule of the Local Government Compounding of Offences (Johore Bahru Tengah Municipal Council) By-Law 2011 [J.P.U. 89] must be used for making an offer to compound but may be modified as necessary.

Power to Require Particulars

7. The President or any officer authorised in writing may require any person committing an offence under these By-Laws to give his name, identification document numbers and address.

Seizure

8. (1) The President or any officer authorised in writing, may seize or remove any article or animal which contravene these By-Laws at the risk of the owner.

(2) If any article or animal seized under paragraph (1) are perishable or decay nature or where keeping it in custody incurred unreasonable expenses and hardship, or believed to cause an obstruction or dangerous to the public, the authorised officer may direct the article or animal to be disposed of at any time in such reasonable manner.

(3) Any person claimed the article or animal other than the article or animal seizure and disposed under paragraph (2) shall claim the article or animal from the President or any authorised officer within seven (7) working days subject to the conditions and payment to be charged.

(4) The President or any authorised officer shall not be liable to any person for any loss, for what ever reason, to the quality of any article or animal seized under these By-Laws.

Costs and Compensation

9. (1) Any person who was found guilty of any offence under these By-Laws shall pay the President any cost incurred by the President to implement the provisions of by-laws 5 and 8 including the cost of storage as prescribed in the Schedule and shall pay compensation to the President for any damage done to the Council's property during the commission of the offence.

(2) If disposed of by with way of sale, the proceeds of sale, less expenses, shall if duly claimed, be paid to the owner of the article or animal, but if such proceeds are not claimed within thirty (30) days of the sale, it will become the Council's Property.

Forfeiture

10. All things, goods or animal seized under these By-Laws shall be forfeited.

Presumption

11. In any prosecution for an offence under these By-Laws, shall be presumed unless proved in contrary—

- (a) any advertisement, poster, bill, notice or other document of its kind for a publication, is displayed, affixed, showed, or similar act by the manufacturer's of the publication or, in the case of imported publication by the local dealer agent or the distributor of the publication;
- (b) any advertisement, poster, bunting, banner or similar of an event has been exhibited, displayed, affixed, or similar act by the event organizer or if the organizer of which cannot be found to whom the event ticket being paid or by a person who get the profit from it;
- (c) any advertisement, bill, notice, buntions, banners or similar of an activity, campaign or others has been exhibited, displayed, affixed or similar act, by any person, organization, association, corporation or similar act, by any person, organization, association, corporation or other groups of people are related to the activities, campaigns or so on.

Transitional

12. Any notice, order, compound, license, document or an action made or issued under this repealed By-Laws shall be deemed to be made or issued under these By-Laws and shall continue to remain in force until revoked thereof.

Repeal

13. (1) Subject to paragraph 13(2) when these By-Laws is being enforce, the Vandalism (Johore Bahru Tengah Municipal Council) By-Laws 2003, gazetted through J.P.U. 40 year 2004 (hereinafter referred to as repealed By-Laws) shall ceased to be enforceable and shall be deem to be repealed.

(2) Notwithstanding with paragraph (1)—

- (a) nothing that consist in these By-Laws may obstruct any person from being prosecuted or penalized under the repealed By-Laws before the enforcement of these By-Laws;
- (b) any uncompleted proceeding under the repealed By-Laws, before the enforcement of these By-Laws shall be described under the repealed By-Laws as if these By-Laws have not yet made;
- (c) any license issued under the repealed By-Laws shall continuously enforceable and has authorisation until the expiration date but it shall be subjected to the provisions of these By-Laws and any other rules and may be revoked under these By-Laws; and

(d) any appointment of enforcement made under the repealed By-Laws shall be enforce and having its enforcement as if it have been made under these By-Laws, until such appointment or enforcement is revoked or united under these By-Laws.

SCHEDULE
(*By-Laws 8*)

SEIZURE/TRANSFER AND STORAGE FEE

	<u>Minimum</u>	<u>Maximum</u>
(a) Seizure/Transfer Fee	: RM100.00	RM500.00
(b) Storage Fee	: RM50.00 per day	RM300.00 per day
For a period not exceeding seven (7) days and an additional sum RM15.00 for each subsequent day		

Dated 2011
 [MPJBT(UU) BY-LAW/1/5]
 [K.T. 24/96 Jld. 10(37); PUNJ.N. 700-1/20/1-12 Jld. 2(18)]

HAJI MD. FUZI BIN HAJI AHMAD SHAHIMI
President
Johore Bahru Tengah Municipal Council

Confirmed on the 2011

HAJI MOHD HALIM BIN HASBULLAH
Clerk of the State Executive Council
Johore

Hakcipta Pencetak ④
 PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
 Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencefak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
 PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
 CAWANGAN JOHOR BAHRU, 2012
 BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA
www.printnasional.com.my, [email.pnmbjb@printnasional.com.my](mailto:pnmbjb@printnasional.com.my)